

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENDAHULUAN

Bab ini akan menerangkan perkaedahan kajian yang akan diaplikasikan di lapangan kajian nanti. Kaedah penyelidikan pendidikan merujuk kepada bagaimana kita mendapatkan maklumat bagi mencapai matlamat penyelidikan pendidikan (Mohd. Majid, 2000). Bab ini meliputi:

- Kaedah kajian
- responden kajian
- lokasi kajian
- instrumen kajian
- penganalisan data
- pentadbiran kajian

3.1 KAEDAH KAJIAN

Penyelidikan ini adalah berbentuk kuantitatif dan deskriptif. Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah survey yang akan memfokuskan kepada dua pembolehubah iaitu pemboleh bersandar (kenyataan-kenyataan mengenai kebajikan guru) yang akan memfokuskan kepada lapan aspek kebajikan dan pembolehubah tidak bersandar yang terdiri daripada ciri-ciri

demografi guru seperti jantina, umur, taraf pendidikan, pengalaman mengajar, gred, opsyen mata pelajaran, mata pelajaran yang diajar dan senarai tugas.

3.2 RESPONDEN KAJIAN

Untuk melaksanakan kajian ini, seramai 100 orang guru terlibat yang terdiri daripada 50 orang guru sekolah rendah dan 50 orang guru sekolah menengah. Sebanyak lima buah sekolah rendah dan lima buah sekolah menengah yang terlibat. Seramai 10 orang guru setiap sekolah akan menjadi responden kajian ini. Jenis-jenis sekolah yang dipilih merangkumi sebuah sekolah bantuan modal, sebuah sekolah asrama penuh, sebuah sekolah bantuan kerajaan, sekolah harian dan sebuah sekolah luar bandar. Pemilihan ini dibuat supaya membolehkan pengkaji mendapat data kajian yang lebih tepat bagi menjawab soalan kajian seterusnya menjamin kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Pemilihan responden kajian juga berdasarkan kepada guru-guru yang telah lama berkhidmat supaya mereka benar-benar memahami tentang aspek-aspek yang dikemukakan. Mereka terdiri daripada guru lelaki dan wanita dari semua etnik dan daripada latar belakang pendidikan dan pengalaman mengajar yang berbeza.

3.3 LOKASI KAJIAN

Sepuluh buah sekolah yang terdiri dari lima buah sekolah rendah dan lima buah sekolah menengah yang terlibat adalah seperti di bawah:

Bil	Nama Sekolah	Jenis Sekolah	Jumlah Responden
1	SMK (P) Methodist	Bantuan Modal	10 orang
2	SMK Sains Pahang	Asrama Penuh	10 orang
3	SMK Abdul Rahman Talib	Bandar	10 orang
4	SMK Tanjung Lumpur	Luar Bandar	10 orang
5	SMK Indera Mahkota II	Bantuan Kerajaan	10 orang
6	SRK (P) Methodist	Bantuan Modal	10 orang
7	SRK Teruntum	Bandar	10 orang
8	SRK Chenderawasih	Bantuan Kerajaan	10 orang
9	SRK Indera Mahkota II	Bantuan Kerajaan	10 orang
10	SRK Nadak	Luar Bandar	10 orang

Daripada sepuluh buah sekolah yang terlibat, dua buah sekolah terletak di luar bandar iaitu Sekolah Rendah Nadak dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Lumpur. Sekolah Rendah Kebangsaan (P) Methodist,

Sekolah Menengah (P) Methodist dan Sekolah Rendah Kebangsaan Teruntum terletak di tengah-tengah bandar. Yang selebihnya terletak di pinggi bandar. Rasional memilih jensi-jenis sekolah ini supaya mendapat gambaran yang lebih menyeluruh dan tidak tertumpu kepada bandar sahaja.

3.4 INSTRUMEN KAJIAN

Soalan-soalan kajian yang digunakan dalam kajian ini telah diubahsuai item-item soalan berdasarkan contoh kajian Aziz (2003). Beberapa item juga digubal supaya meliputi semua aspek yang ingin disentuh bagi meliputi semua indikator dalam mengukur tahap kebajikan guru di sekolah rendah dan sekolah menengah. Soalan-soalan kajian ini seterusnya dibaiki dan dimurnikan oleh seorang yang pakar dalam bidang ini iaitu Profesor Madya Dr. Sufean Hussin bagi mendapat nilai kesahan muka (content validity) yang tinggi.

Instrumen kajian ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A merangkumi soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden. Bahagian ini mengandungi 10 item yang perlu diisi oleh responden. Item-item yang disentuh dalam bahagian A ialah seperti jantina, bangsa, umur, pengalaman mengajar, gred jawatan, kelulusan akademik tertinggi, kelulusan ikhtisas, opsyen mata pelajaran, mata pelajaran yang diajar dan senarai tugas di sekolah.

Bahagian B menggunakan skala petunjuk lima mata iaitu,

- 5 – Sangat Setuju;
- 4 – Setuju;
- 3 – Agak Setuju
- 2 – Tidak Setuju
- 1 – Sangat Tidak Setuju.

Bahagian ini mengandungi 66 item yang merangkumi beberapa aspek-aspek seperti berikut:

Aspek	Sejauh mana anda bersetuju dengan kebajikan guru	Sub Item
A. Karier Masa Depan	Terdiri daripada peluang kenaikan pangkat, peluang melanjutkan pelajaran, peluang mengikuti kursus, peluang mendapat penghargaan dan pekeliling dari Kementerian Pendidikan.	1, 2, 3, 4, 5, 6
B. Kepimpinan Pengetua	Meliputi aspek galakan pentadbir mengambil insuran kemalangan, menjadi ahli Kelab, Persatuan Guru, cuti sambilan, penilaian prestasi, sokongan pentadbir bila berlaku kontroversi, keprihatian terhadap masalah peribadi dan penubuhan Kelab Famili.	7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15

C. Beban Tugas	Meliputi pengagihan tugas, tugas ko-kurikulum, kerja-kerja perkeranian, jumlah waktu mengajar dalam seminggu, waktu rehat, kerap menganti guru yang tidak hadir dan sumbangan PIBG terhadap guru-guru yang sanggup mengajar di luar waktu bekerja.	16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23,
D. Persekitaran Kerja	Meliputi aspek-aspek keselamatan, keselesaan bilik guru, kemudahan asas, makanan yang berkualiti, fizikal bilik darjah, lokasi sekolah, dan kemudahan ABM dan bahan rujukan.	24, 25, 26, 27, 28 29, 30, 31,32,33
E. Ganjaran dan Manfaat	Meliputi aspek-aspek seperti Imbuan Tetap Perumahan, kemudahan pinjaman membeli rumah, komputer, kereta, perubatan dan rawatan kesihatan, dan kemudahan quarters guru	34, 35, 36, 37, 38, 39
F. Hubungan dan Kerjasama	Meliputi kerjasama dan sokongan daripada pelajar, kakitangan bukan guru, rakan sekerja, pentadbir dan masyarakat setempat	40, 41, 42, 43, 44
G. Perkhidmatan	Meliputi aspek-aspek seperti penghargaan dari PIBG, elaun kursus, cuti tahunan, pendapatan bulanan, skala dan gred gaji, kemudahan perpindahan, perlindungan insuran, potongan KWSP, urusan pencen, dan elaun khidmat awam.	45, 46, 47, 48, 49 50, 51,52, 53, 54, 55

H. Keuasan Kerja	Meliputi aspek keuasan kerja mengenai kerjaya guru, gaji, hubungan dengan guru-guru, hubungan dengan pentadbir, bebanan tugas dan suasana persekitaran sekolah.	56, 57, 58, 59, 60, 61,62,63,64, 65,66
------------------	---	--

3.5 PENGANALISISAN DATA

Data yang dikumpul akan dianalisis secara statistik deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratus dan min mengikut bahagian dan item yang dikemukakan. Kajian ini menggunakan interpretasi skor min untuk mendapatkan maklumat. Pengiraan min akan menggunakan Microsoft Excell 2000.

Data akan dihuraikan berdasarkan jadual untuk menggambarkan data dengan lebih jelas. Teknik ini adalah bersesuaian dengan tujuan kajian iaitu mengukur tahap kebajikan guru sekolah rendah menengah Daerah Kuantan. Hasil analisis diharap dapat membantu pengkaji membuat kesimpulan-kesimpulan bagi menjawab soalan-soalan kajian yang telah ditentukan di Bab 1.

3.6 PENTADBIRAN KAJIAN

Setelah instrumen kajian disemak oleh seorang pensyarah yang pakar dalam bidang ini, penyelidik telah menghantar kepada borang permohonan beserta instrumen kajian dan sinopsis kajian kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan untuk menjalankan penyelidikan di sekolah-sekolah di Bawah Kementerian Pendidikan. Setelah mendapat kelulusan dari bahagian ini, penyelidik seterusnya menghantar permohonan kebenaran kepada Bahagian Penyelidikan, Jabatan Pendidikan Pahang untuk meminta kebenaran mengedarkan instrumen kajian ke sekolah-sekolah rendah dan sekolah menengah yang dijadikan responden kajian.

Sebaik sahaja surat kelulusan diperolehi dari Bahagian Penyelidikan Jabatan Pendidikan Pahang, penyelidik seterusnya mengedarkan ke sekolah rendah dan sekolah menengah melalui Penolong Kanan. Setiap sekolah diedarkan sebanyak 10 instrumen kajian dan responden kajian diberi masa selama seminggu untuk menjawab. Selain itu, satu surat penerangan tujuan kajian juga dikepilkan bersama-sama dengan instrumen kajian supaya guru-guru memahami tujuan diedarkan borang soal selidik ini. Responden diberi masa seminggu untuk menjawab soal selidik tersebut. Pengkaji kemudiannya datang sekali lagi untuk memungut borang yang telah dilengkapkan.